

Malaysia sedia timbang tuntutan Abu Sayyaf — PM

UM - 5 JUN 2000

Oleh ROZAMAN ISMAIL
den MARHAINI KAMARUDDIN

PLJLAU PINANG 4 Jun — Malaysia sedia menimbang apa sahaja tuntutan bagi menyelamatkan 21 orang yang diculik oleh kumpulan bersenjata Abu Sayyaf di selatan Filipina, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, walaupun pada prinsipnya cara sedemikian tidak boleh diterima, ia terpaksa juga diberi pertimbangan.

Perdana Menteri berkata demikian apabila ditanya mengenai tuntutan kumpulan itu yang

dilaporkan meminta AS\$1 juta (RM3.8 juta) untuk membebaskan setiap tebusan yang kini ditahan di Pulau Jo10 dalam kepulauan Sulu negara itu.

“Apabila kita berhadapan dengan kemungkinan para penganas melakukan sesuatu ke atas tebusan, maka kita terpaksa menimbang apa juga cara bagi menyelamatkan mereka,” katanya pada sidang akhbar di Hotel 1926 di sini, hari ini, ketika mengadakan lawatan peribadi ke beberapa tempat di sekitar Pulau Pinang. Malam semalam, beliau menutup Sukan Malaysia (Sukma) kelapan.

Sembilan daripada 21 tebusan

yang diculik di Pulau Sipadan, Sabah 23 April lalu itu adalah rakyat Malaysia dan 12 warga asing iaitu tiga warga Jerman, masing-masing dua warga Finland, Afrika Selatan, Perancis, Filipina dan seorang warga Lebanon.

Kesediaan

Agensi berita AFP hari ini melaporkan kumpulan tersebut buat pertama kalinya Khamis lalu mengemukakan tuntutan wang tebusan sejumlah RM3.8 juta bagi setiap tebusan.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Ba-

dawi yang mengulas perkara yang sama berkata: “Kalau (wang tebusan) itu yang menjadi syaratnya, takkan kita hendak menolak begitu sahaja.”

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, bagaimanapun menegaskan kesediaan untuk mempertimbangkan tuntutan itu tidak bermakna yang kerajanya Malaysia akan menerimanya.

“Boleh jadi kita akan tolak langsung,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik (APR) ke-14 hari ini.

■ Lihat muka 4

Malaysia sedia timbang tuntutan Abu Sayyaf — PM

UM - 5 JUN 2000

Ditanya sama ada kerajaan Filipina telah menghubungi Malaysia bagi membincangkan isu wang tebusan, menurut Abdullah:

“Secara spesifik saya tidak tahu sama ada telah dihubungi tetapi kita memang hubungi mereka untuk mengetahui bagaimana hendak membebaskan tebusan itu.”

Mengenai pendirian kerajaan Filipina untuk tidak melayan sebarang tuntutan wang tebusan daripada kumpulan penculik itu, Abdullah bersetuju bahawa agak sukar untuk memenuhinya.

“Memang susahlah kalau kita kena bayar kerana kita terpaksa menangani masalah yang mereka wujudkan dan mereka juga telah bertindak dengan begitu ganas.”

“Kalau kita beri duit nanti ada pula pihak yang mengatakan kita tunduk kepada tekanan daripada pihak penculik,” katanya.

Dalam hal ini, Abdullah menegaskan yang penting ialah kesemua tebusan itu dapat dibebaskan secepat mungkin.

Beliau enggan menjawab sama ada Malaysia akan menolak sebarang tuntutan dalam bentuk wang sebaliknya menyerahkan kepada kebijaksanaan pasukan perunding.

“Biarlah mereka pertimbangkan apakah tindakan yang paling wajar diambil untuk menyelesaikan krisis yang sudah lama ini.

Yang kita tidak seronok itu ialah rundingan mengambil masa yang cukup panjang,” katanya.

Mengulas dakwaan media asing bahawa kerajaan Filipina melambat-lambatkan usaha rundingan, Abdullah berpendapat pihak yang menjalankan rundingan perlu menyatakan pendirian mereka dengan tegas.

Menurutnya, para perunding tidak wajar terikut-ikut dengan kehendak pihak lain yang tidak membantu usaha-usaha menyelesaikan masalah yang dihadapi sekarang.

Abdullah mengulangi kenyataannya sebelum ini tentang kemungkinan mencari jalan lain untuk menyelesaikan krisis yang berlarutan lebih sebulan itu.

“Kita sedang berfikir sama ada perlu mencari jalan lain untuk menyelesaikan krisis ini tetapi yang pentingnya, kita kena juga bercakap dengan pihak Filipina untuk membawa mereka bersama dalam usaha mencari penyelesaian,” katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas kaedah lain yang difikirkan Malaysia untuk membebaskan tebusan terbabit.